



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS TERHADAP LAPORAN AKHBAR SECARA TALIAN BERTAJUK “ONLY 1 PERSON CERTIFIED TO INSTALL, MAINTAIN EV CHARGING STATIONS NATIONWIDE”

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) mengambil maklum akan laporan akhbar secara talian **Free Malaysia Today (FMT)** bertarikh **1 November 2023 (Rabu)** bertajuk **“Only 1 Person Certified to Install, Maintain EV Charging Stations Nationwide”**.
2. Untuk makluman, JPK telah membangunkan **tujuh (7) Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau NOSS** bagi bidang kemahiran berkaitan *Electric Vehicle* (EV) sebagai salah satu usaha menyediakan tenaga mahir negara selain menyokong pertumbuhan sektor EV di Malaysia. NOSS ialah standard kemahiran pekerjaan kebangsaan yang dibangunkan oleh pakar industri telah menggariskan kemahiran yang diperlukan untuk pekerja mahir dalam bidang tertentu.
3. Sebanyak lapan (8) buah Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institut Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) telah ditauliahkan oleh JPK untuk melaksanakan kursus kemahiran berkaitan EV di Malaysia. Sehingga Oktober 2023, **seramai 819 tenaga mahir negara** yang kompeten dalam kemahiran berkaitan EV telah diberikan sijil oleh JPK.
4. Dalam menyediakan ekosistem EV yang kondusif, JPK sentiasa menambah baik NOSS berkaitan EV selari dengan perkembangan teknologi terkini khususnya berkaitan *AI*, *VR* dan *IoT*. Sehubungan itu, dua (2) NOSS telah dikemas kini iaitu

Servis Kereta Elektrik & Hybrid (*G452-007-3:2019*) dan Diagnostik & Pembaikan Kenderaan Elektrik Bateri (BEV) (*G452-010-3:2023*).

5. Selaras dengan hasrat Kerajaan dalam menyediakan 10,000 Stesen Pengelas EV menjelang 2025, KSM melalui JPK telah merangka beberapa inisiatif baharu dalam mempercepat pembangunan modal insan sektor EV seperti memberikan bantuan bimbingan teknikal kepada ILKA & ILKS yang ingin menawarkan program EV. JPK turut menggalakkan mekanik berpengalaman untuk mentransformasi kepakaran sedia ada melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian terdahulu (PPT).
6. Di samping itu, JPK turut akan memberikan keutamaan dalam membangunkan *Written Instructional Material* (WIM) bagi sektor EV yang melibatkan personel dan pakar bidang kemahiran EV. Penglibatan personel dan pakar dalam pembangunan WIM EV ini akan menghasilkan WIM yang akan menjadi rujukan utama dalam kurikulum pembelajaran selaras NOSS dalam bidang kemahiran EV.
7. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *Center of Excellence* bagi melaksanakan latihan dan persijilan bidang EV pada 1 Oktober 2023 lalu. MoU tersebut melibatkan 11 Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) yang menawarkan program Automotif.
8. Selaras dengan Aspirasi Malaysia Madani, KSM mengiktiraf peranan industri automotif dalam membangunkan tenaga kerja EV negara. Ini boleh dicapai melalui inisiatif seperti *Academy in Industry* (Ail), Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan *Micro Credential* (MC).

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
2 NOVEMBER 2023**